

Variasi Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 oleh Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Di Tenom, Sabah dan Cabaran Pelaksanaannya

Variation of 21st Century Learning Methods by Malay Language Teachers in Tenom, Sabah and the Challenges of Implementation

Fyona Yong Sien Ning
¹Nur Farahkhanna Mohd Rusli

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Corresponding author: ¹farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menghuraikan variasi kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) oleh guru dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sebuah sekolah yang terletak di Tenom, Sabah dan cabaran pelaksanaannya. Lima orang guru subjek Bahasa Melayu daripada tingkatan satu hingga lima telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang mengaplikasikan kaedah temu bual untuk mengumpul data. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada alat perakam audio dan soalan temu bual. Hasil kajian menunjukkan terdapat enam variasi kaedah PAK-21 yang digunakan responden, iaitu pembentangan berkumpulan, gallery walk, role play, peta i-think, round table dan think-pair-share. Selain itu, data juga menunjukkan antara cabaran pelaksanaan kaedah pembelajaran PAK-21 yang dialami oleh guru ialah i) kurang inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran, (ii) kesukaran untuk mengawal kelas dengan baik, (iii) kekangan dari segi kos penyediaan bahan bantu mengajar (BBM), dan (iv) kekangan dari segi masa. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada golongan pendidik tentang manfaat mempelbagaikan kaedah pembelajaran untuk murid bagi membolehkan objektif pengajaran dapat dicapai, sekali gus dapat meningkatkan prestasi dan minat murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: variasi; kaedah pak-21; guru; bahasa Melayu; Sabah

ABSTRACT

This study aims to describe the variation of the 21st Century Learning method (PAK-21) by teachers in Malay subjects at a school located in Tenom, Sabah and the challenges of its implementation. Five teachers of Malay language subjects from grades one to five were selected as respondents to the study. This study uses a qualitative approach that applies the interview method to collect data. The instrument used in this study consists of an audio recorder and interview questions. The results of the study show that there are six variations of the PAK-21 method used by respondents, namely group presentation, gallery walk, role play, i-think map, round table and think-pair-share. In addition, the data also shows that among the challenges in the implementation of PAK-21 learning methods experienced by teachers are i) lack of initiative to diversify teaching methods, (ii) difficulty in controlling the class well, (iii) constraints in terms of the cost of providing teaching aids, and (iv) time constraints. This study is expected to provide knowledge and exposure to educators about the benefits of diversifying learning methods for students to enable teaching objectives to be achieved, thereby improving student performance and interest in teaching and learning sessions.

Keywords: *variations; 21st century learning method; teacher; Malay Language; Sabah*

1. Pengenalan

Sistem pendidikan hari ini mengalami inovasi dan transformasi secara holistik yang melibatkan perubahan kepada sistem pendidikan, kualiti kepimpinan sekolah, kualiti guru, kemenjadian murid, serta pemantapan tadbir urus yang lebih efisien (Sharifah Bee, 2015 dalam kajian Edria Nita Mustaffa & Muhammad Faizal A. Ghani, 2020). Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi tumpuan pada pembelajaran abad ke-21 serta idea berkaitan peranan guru sebagai pemudahcara. PPPM telah mengeluarkan garis panduan dan matlamat yang perlu dicapai dalam pendidikan Malaysia. KPM telah melancarkan reformasi kurikulum melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sejak tahun 2011. Kurikulum standard ini kemudiannya ditambah baik dengan terlaksananya KSSR (Semakan) yang bermula pada tahun 2017. Kurikulum baru ini memberi tumpuan kepada aspek kemahiran dan kompetensi yang boleh memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21 (PAK-21).

Dalam konteks ini, guru perlulah mengambil inisiatif dalam pembangunan sendiri bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikan amalan pengajaran baru yang mampu memenuhi keperluan abad ke-21 seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025 iaitu pendidikan yang berkualiti dan cemerlang dalam pelbagai aspek termasuklah cemerlang dalam bidang kokurikulum menjadi matlamat utama dalam usaha melahirkan generasi alaf baru yang mampu menangani cabaran abad ke-21 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM 2013). Namun, kaedah pengajaran guru yang tidak menarik telah menyebabkan murid berasa tidak seronok ketika belajar di bilik darjah. Perkara ini disokong oleh kajian Abdul Rasid Jamian, Nurul Aini Razali & Shamsudin Othman (2015) yang menyatakan guru kembali kepada kaedah tradisional yang membosankan murid. Keberkesanan pengajaran terletak kepada keupayaan guru membina satu suasana yang membolehkan murid-muridnya mengalami pembelajaran yang membawa hasil yang dikehendaki dan menjadikan pengalaman pembelajaran sesuatu yang menyeronokkan (Mashira Yahaya et al., 2020). Jika guru tidak menggunakan gaya pengajaran yang berpusatkan pelajar, maka murid akan menjadi pasif dan tidak aktif dalam mengikuti sesi PdP.

Pada dasarnya, guru berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk mengaplikasikan kaedah PAK-21. Menurut Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019), strategi, teknik, kaedah dan pendekatan yang terhad telah menyebabkan kemerosotan minat murid terhadap pembelajaran. Hal ini disebabkan guru belum mahir mengintegrasikan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran mereka. Kesannya, minat murid akan merosot dan akan menjejaskan prestasi akademik murid. Oleh itu, guru perlu mengetahui strategi dalam merancang PdP yang menarik dengan mengintegrasikan kemahiran abad ke-21 dalam RPH yang disediakan. Selain itu, guru juga mengalami kekurangan bahan untuk melaksanakan PAK-21. Seperti yang kita tahu, banyak kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan dalam bilik darjah. Namun, terdapat juga perkara yang perlu disediakan atau diperlukan semasa kaedah pengajaran tersebut berlangsung seperti kertas sebak, capaian internet yang memuaskan, gajet yang mencukupi dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, guru perlu bijak memilih kaedah PAK-21 yang sesuai supaya PdP berjalan dengan lancar dan objektif

pengajaran juga dapat dicapai dalam suasana bilik darjah yang menyeronokkan. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Menghuraikan variasi kaedah PAK-21 yang digunakan oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu di Tenom, Sabah.
2. Menjelaskan cabaran pelaksanaan kaedah PAK-21 yang digunakan oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu di Tenom, Sabah.

2. Kajian Literatur

Muhammad Zulfiqar Mat Lui dan Anuar Ahmad (2021) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Minat Murid terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Pendidikan Sejarah*. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan bantuan instrumen borang soal selidik untuk mengumpul data. Hasil kajian mendapati bahawa murid berminat apabila guru memberikan latihan yang sesuai dengan tahap dan kemahiran mereka dalam subjek Sejarah. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati bahawa kaedah PdP guru masih lagi menggunakan buku teks sebagai kaedah pengajaran utama tetapi disertakan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai alat bantu mengajar. Dalam erti kata lain, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan buku teks semata-mata kurang berkesan dalam menyampaikan pengajaran, sebaliknya memerlukan elemen TMK untuk membantu pengajaran yang lebih menarik selain dapat menarik minat murid dalam sesi PdP.

Selain itu, Irma Mahad, Zamri Mahamod & Nurul Azira Sopian (2021) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Kaedah Pengajaran dalam Talian Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan di Kawasan Bandar Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan*. Kajian tersebut menggunakan kaedah kualitatif sebagai pengumpulan data dan melibatkan tiga orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di tiga buah sekolah kebangsaan di kawasan bandar sebagai responden. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa guru Bahasa Melayu di sekolah di kawasan bandar menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik mengikut keperluan murid seperti pembelajaran penyelesaian masalah, kaedah e-permainan (*gamification*), kelas berbalik, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran menggunakan modul semasa pengajaran bahasa Melayu secara dalam talian. Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pentingnya kepelbagaian kaedah pengajaran yang perlu digunakan oleh guru Bahasa Melayu ketika mengajar bagi menarik minat murid untuk belajar selain dapat meningkatkan prestasi murid. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti pula variasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru yang mengajar di sekolah yang terletak di kawasan pedalaman.

Seterusnya, Lezah @ Lejah Kiamsin dan Rosy Talin (2018) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Kaedah Pengajaran Sejarah yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya*. Kajian tersebut menggunakan reka bentuk kualitatif yang menggabungkan kaedah temu bual dan pemerhatian. Responden kajian tersebut terdiri daripada empat orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Sejarah pada peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di daerah Kota Kinabalu. Hasil dapatan mendapati bahawa ramai pelajar pra-universiti yang meminati kaedah pengajaran seperti kaedah pembentangan, sesi soal jawab, *gallery walk* dan perbahasan. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa PdP mata pelajaran Sejarah adalah membosankan. Oleh itu, murid memerlukan kaedah pengajaran yang menyeronokkan bagi menghilangkan kebosanan tersebut. Dalam kajian tersebut juga, pengkaji mendapati bahawa

pelajar menyukai sesi PdP yang melibatkan interaksi secara langsung di dalam kelas. Jelas bahawa kepelbagaian kaedah pengajaran oleh guru memberikan banyak manfaat kepada pelajar khususnya dan oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat dari aspek variasi kaedah pengajaran yang dilakukan oleh guru mata pelajaran bahasa Melayu di kawasan pedalaman di Sabah.

Bukan itu sahaja, kajian yang dilakukan oleh Nor Syahirah Abu Bakar dan Mohd Aderi Che Noh (2022) yang bertajuk *Kaedah Perbincangan dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah* juga boleh dijadikan salah satu rujukan dalam kajian ini. Reka bentuk kajian tersebut menggunakan pendekatan kualitatif seperti menemu bual secara tidak langsung guru-guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah rendah. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa kaedah perbincangan sememangnya sesuai dan berkesan digunakan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. Hal ini demikian kerana penggunaan kaedah perbincangan yang betul oleh guru memberikan kefahaman, motivasi dan meningkatkan prestasi akademik murid. Kajian tersebut telah membuktikan bahawa kaedah perbincangan merupakan salah satu kaedah pengajaran yang menyeronokkan. Oleh itu, kajian ini pula akan melihat kepelbagaian kaedah pengajaran lain yang digunakan oleh guru di Tenom, Sabah dalam usaha mewujudkan sesi PdP yang mampu menarik minat muridnya.

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Secara umumnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidikan kualitatif didefinisikan sebagai proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia berdasarkan kepada gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan sebenar dan semula jadi (Cresswell, 2018 dalam kajian Azlina Kamaruddin dan Mohamad Irfan Shahrudin, 2022). Penyelidikan kualitatif merupakan satu pendekatan penyelidikan yang memberi penekanan kepada kajian berbentuk deskriptif, induktif, pembinaan asas teori dan fokus kajian lebih tertumpu kepada cara bagaimana manusia memberi makna kepada kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini kerana selain tidak melibatkan data yang bersifat numerikal, kajian ini akan memfokuskan huraian secara deskriptif untuk menjelaskan variasi kaedah pembelajaran abad ke-21 yang digunakan oleh guru mata pelajaran bahasa Melayu di Tenom, Sabah.

3.2 Responden Kajian

Kajian ini melibatkan lima orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di Tenom, Sabah. Responden kajian terdiri daripada guru Bahasa Melayu tingkatan satu, guru Bahasa Melayu tingkatan dua, guru Bahasa Melayu tingkatan tiga, guru Bahasa Melayu tingkatan empat dan guru Bahasa Melayu tingkatan lima. Variasi responden daripada pelbagai peringkat ini dilakukan untuk melihat kepelbagaian kaedah PAK-21 yang diaplikasikan oleh guru tersebut dalam PdP Bahasa Melayu di bilik darjah.

3.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan tiga instrumen untuk mengumpul data, iaitu borang soal selidik, soalan temu bual dan aplikasi *Google Meet*. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data berkaitan demografi responden dan variasi kaedah pembelajaran abad ke-21 yang digunakan oleh responden. Soalan temu bual pula digunakan untuk mendapatkan data berkaitan cabaran yang dihadapi oleh responden untuk melaksanakan kaedah pembelajaran abad ke-21. Aplikasi *Google Meet* digunakan dalam kajian ini bagi memudahkan sesi temu bual dilaksanakan memandangkan semua responden berada di Tenom, Sabah.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Profil Responden

Maklumat responden yang terlibat dalam kajian ini dirincikan dalam jadual yang berikut:

JADUAL 1. Maklumat Responden

Responden	Subjek Major	Subjek Minor
Responden A (Tingkatan 5)	Bahasa Melayu	-
Responden B (Tingkatan 4)	Bahasa Melayu	-
Responden C (Tingkatan 3)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Responden D (Tingkatan 2)	Bahasa Melayu	Sejarah
Responden E (Tingkatan 1)	Bahasa Melayu	Sejarah

Jadual 1 menunjukkan semua responden dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 mengajar subjek Bahasa Melayu sebagai subjek major. Selain itu, jadual juga menunjukkan Responden A (Tingkatan 5) dan Responden B (Tingkatan 4) tidak mempunyai subjek minor. Responden C pula (Tingkatan 3) mempunyai Bahasa Inggeris sebagai subjek minor manakala Responden D (Tingkatan 2) dan Responden E (Tingkatan 1) mengajar Sejarah sebagai subjek minor.

4.2 Variasi Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 oleh Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Tenom, Sabah

Berikut pula dijelaskan variasi kaedah pembelajaran abad ke-21 oleh guru mata pelajaran bahasa Melayu di Tenom, Sabah:

JADUAL 2. Analisis Variasi Kaedah PAK-21 oleh Responden

Responden	A	B	C	D	E
Pembentangan Kumpulan	/	/	/	/	/
Gallery Walk (Galeri Berjalan)	/		/		/
Role Play (Main Peranan)				/	
Peta I-Think (Peta Pemikiran)		/		/	
Round Table (Meja Bulat)		/	/		
Think-Pair-Share (Fikir-Pasang-Kongsi)				/	

Jadual 2 menunjukkan variasi kaedah PAK-21 yang diaplikasikan oleh responden. Berdasarkan jadual, terdapat enam variasi kaedah PAK-21 yang digunakan responden, iaitu pembentangan berkumpulan, *gallery walk*, *role play*, peta *i-think*, *round table* dan *think-pair-share*. Daripada keenam-enam kaedah tersebut, didapati kaedah pembentangan berkumpulan menjadi pilihan oleh kelima-lima guru dalam mengaplikasikan PAK-21. Kaedah seterusnya yang menjadi pilihan guru ialah kaedah *gallery walk*, iaitu apabila tiga daripada lima guru tersebut ada mengaplikasikan kaedah tersebut dalam pengajaran. Kaedah peta *i-think* dan *round table* pula merupakan kaedah yang juga menjadi pilihan guru apabila dua daripada lima orang guru menggunakan kaedah tersebut dalam pengajaran. Kaedah *think-pair-share* pula menjadi kaedah yang kurang digunakan oleh guru apabila hanya seorang guru sahaja yang menggunakan kaedah tersebut dalam pengajaran.

Berdasarkan data, jadual 2 jelas menunjukkan guru yang mendidik anak murid di kawasan pedalaman ada menunjukkan inisiatif terhadap amalan pembelajaran terkini dengan menerapkan kaedah PAK-21 dalam pengajaran mereka. Guru di kawasan tersebut jelas berusaha mengikuti arus perkembangan semasa dalam dunia pendidikan apabila mereka turut menyahut seruan kerajaan dalam mengamalkan pendidikan yang berkesan dan interaktif melalui penerapan pelbagai kaedah pengajaran yang berpusatkan murid. Seperti yang dijelaskan oleh Mashira Yahaya et al. (2019), guru-guru seharusnya mempunyai kefahaman tentang PAK-21 dan bersedia untuk melaksanakannya agar proses pengajaran dan pemudahcaraan menjadi berkesan.

Kefahaman ini bukan sahaja penting dari segi teori tetapi juga melalui pelaksanaan praktikal di dalam bilik darjah. Guru yang bersedia melaksanakan PAK-21 dengan efektif akan dapat memastikan bahawa proses pengajaran dan pemudahcaraan berjalan dengan lancar serta berupaya mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Hal ini dapat dicapai apabila guru melengkapi diri dengan pelbagai kemahiran pedagogi moden, bersikap terbuka terhadap perubahan, serta sentiasa memperbaiki teknik pengajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang berbeza-beza. Oleh itu, persediaan yang menyeluruh dan sokongan berterusan amat penting untuk memastikan proses pengajaran dan pemudahcaraan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dalam pelbagai situasi, termasuk di kawasan yang mempunyai kekangan tertentu.

Oleh sebab kawasan pedalaman sekolah serba kekurangan kemudahan seperti makmal computer, maka guru-guru subjek cenderung menggunakan kaedah pembentangan kumpulan sebagai kaedah PAK-21 yang paling efektif (Sharifah Darmia Sharif Adam et al., 2022). Antara bentuk pembentangan adalah seperti lisan, persembahan, pameran dan sebagainya. Biasanya, guru-guru akan menggunakan kaedah atau bentuk pembentangan dalam kumpulan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembentangan bukan sahaja berpanduan kepada bahan yang terkandung dalam buku teks tetapi ia merangsang murid untuk membuat kajian yang mendalam mengenai topik yang hendak dibentangkan. Murid yang akan membentangkan juga akan membuat latihan dan akan meningkatkan kemahiran pengucapan umum dalam suasana yang tidak mengancam (Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd Faez Ilias, 2012)

4.3 Cabaran Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 oleh Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Tenom, Sabah

Bahagian ini akan membincangkan cabaran pelaksanaan kaedah pembelajaran abad ke-21 oleh guru mata pelajaran bahasa Melayu di Tenom, Sabah. Terdapat empat cabaran yang

telah dikenal pasti hasil daripada temu bual yang dijalankan, iaitu (i) kurang inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran, (ii) kesukaran untuk mengawal kelas dengan baik, (iii) kekangan dari segi kos penyediaan bahan bantu mengajar (BBM), dan (iv) kekangan dari segi masa. Berikut dijelaskan huraian lanjut tentang cabaran-cabaran yang telah dinyatakan:

a) Kurang inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran

Salah satu faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan PAK-21 ialah guru itu sendiri. Guru memainkan peranan penting dalam merancang, melaksanakan, dan menilai keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Pernyataan ini turut diperkuatkan oleh Mohammad Ziyad Majani dan Mohd Mokhtar Tahar (2021), yang menyatakan bahawa keberkesanan PAK-21 tidak dapat tercapai sekiranya aspek keperluan asas, seperti kesediaan guru untuk memimpin dan memandu proses pembelajaran, tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Hal ini menunjukkan bahawa keberhasilan pelaksanaan PAK-21 amat bergantung pada tahap keupayaan, kreativiti, dan inovasi guru dalam merancang kaedah pengajaran yang menarik dan berkesan.

Namun begitu, cabaran besar yang dihadapi oleh guru ialah kurangnya pelbagai pendekatan dan strategi yang digunakan semasa mengaplikasikan PAK-21 di dalam bilik darjah. Keadaan ini sering berlaku apabila guru terikat dengan kaedah pengajaran tradisional yang kurang interaktif atau apabila mereka kekurangan latihan dan pendedahan terhadap pendekatan baru yang lebih dinamik. Akibatnya, murid-murid mula kehilangan minat terhadap aktiviti pembelajaran kerana ia kelihatan berulang, tidak mencabar, dan tidak relevan dengan minat serta keperluan mereka. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan tumpuan murid, tetapi juga menyebabkan mereka kurang memberi kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan. Situasi ini menggambarkan bahawa kepelbagaian kaedah PAK-21 yang kreatif dan inovatif adalah penting untuk memastikan murid sentiasa bermotivasi, bersemangat, dan terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran.

“...guru pun kurang berkesan kalau selalu itu-itu sahaja. Murid akan rasa bosan. Murid juga mau merasakan kelainan...guru jangan tertakluk pada satu kaedah sahaja”.

(Temu Bual Responden A pada minit 15:36)

Sekiranya guru kurang mengaplikasikan PAK-21 dalam bilik darjah atau hanya mengulang dan tertakluk pada kaedah yang sama sahaja, maka teknik pembelajaran yang diaplikasikan guru pun akan menjadi kurang berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana guru kurang membuat penyelidikan terhadap keberkesanan teknik pembelajaran sendiri dalam bilik darjah. Perkara ini menyebabkan guru langsung tidak mempunyai peningkatan dalam keberkesanan PdP apatah lagi guru yang langsung tidak mengaplikasikan PAK-21 dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, pelaksanaan PAK-21 menjadi tidak berkesan dalam bilik darjah sekiranya tidak dilaksanakan dengan baik. Cabaran guru ialah diri sendiri juga yang tidak rajin untuk mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PAK-21 sehingga menyebabkan suasana PdP menjadi bosan dan murid sendiri tidak semangat dalam pembelajaran.

Masalah kurang inisiatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran oleh guru merujuk kepada situasi di mana guru tidak berusaha menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Apabila guru tidak mempelbagaikan teknik pengajaran, proses pembelajaran boleh menjadi monoton, kurang

menarik, dan tidak memberi impak yang mendalam kepada pelajar. Keadaan ini bukan sahaja membatasi keterlibatan aktif pelajar tetapi juga menjejaskan keberkesanan proses pembelajaran secara keseluruhan. Pelajar mungkin sukar memahami kandungan pembelajaran dan kurang termotivasi untuk memberi perhatian sepenuhnya dalam kelas.

Seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rahim Hamdan dan Hayazi Mohd Yasin (2010) dalam kajian mereka bertajuk *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) di Kalangan Guru-Guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor*, guru perlu meningkatkan kualiti pengajaran mereka agar sejajar dengan cabaran pendidikan masa kini. Kajian tersebut menekankan bahawa penggunaan ABM yang sesuai dapat membantu pelajar memahami konsep dengan lebih jelas dan menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Sebagai contoh, penggunaan alat seperti multimedia, bahan visual, dan aplikasi interaktif dapat membantu guru menyampaikan idea yang kompleks dengan cara yang lebih mudah difahami oleh pelajar.

Guru yang mengambil inisiatif untuk menerapkan pelbagai kaedah dan teknologi dalam pengajaran bukan sahaja dapat menarik minat pelajar tetapi juga dapat mencetuskan kreativiti dan minat mendalam terhadap pembelajaran. Pendekatan ini penting terutama dalam era pendidikan abad ke-21, di mana pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai pengalaman pembelajaran yang inovatif dan relevan. Oleh itu, guru harus berusaha untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran baru, terutamanya dalam penggunaan ABM dan teknik pengajaran terkini, bagi memastikan proses pembelajaran menjadi lebih efektif, menyeronokkan, dan memenuhi keperluan pelajar masa kini.

Selain itu, guru hendaklah berusaha mewujudkan keadaan pembelajaran yang sesuai dan berkesan bagi membantu pelajar meningkatkan kreativiti. Aktiviti pembelajaran yang produktif akan membentuk pelajar untuk lebih berfikir kreatif dalam menyelesaikan sesuatu tugas (Nurrabi'atul Mardhiah Binti Rushdi & Muhammad Syawal Bin Amran, 2020). Oleh hal yang demikian, kajian mendapati bahawa guru-guru di kawasan pedalaman sering menghadapi cabaran dalam memperkayakan kreativiti dalam pengajaran mereka. Kebanyakan guru di kawasan ini cenderung bergantung pada satu kaedah pengajaran yang sama, seperti pengajaran yang berasaskan ceramah, yang meskipun berkesan untuk sesetengah situasi, tidak memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan interaksi, kolaborasi, dan pemikiran kritis. Teknik lain seperti pembelajaran berasaskan projek, simulasi, atau integrasi teknologi jarang diterapkan, walaupun kaedah ini terbukti dapat meningkatkan minat dan penglibatan pelajar secara lebih efektif. Akibatnya, pelajar mungkin merasa bosan, tidak bermotivasi, dan sukar untuk menyerap ilmu dengan baik. Keluhan seperti *bosan, jenuh, kurang bergairah*, dan *tidak menarik* yang sering diluahkan oleh pelajar dalam pembelajaran, terutamanya subjek Bahasa Melayu, menjadi bukti kepada isu ini (Irmawati. S, 2018).

Seperti yang dinyatakan oleh Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019), proses PAK-21 hanya dapat berjalan dengan lancar dan berkesan sekiranya pengajaran dirancang dengan baik serta dilaksanakan secara berterusan dan konsisten. Penyataan ini menekankan kepentingan latihan profesional dalam membekalkan guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Walau bagaimanapun, dalam banyak kes, guru, terutamanya di kawasan pedalaman, menghadapi kekangan dari segi peluang dan sumber untuk mendapatkan latihan tambahan. Kekurangan akses kepada latihan ini menyebabkan mereka kurang pendedahan kepada strategi pengajaran

yang baru dan inovatif, yang seterusnya menyumbang kepada ketidakupayaan mereka untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelajar dengan cara yang lebih dinamik dan menarik.

Di samping itu, kekurangan latihan profesional juga boleh mengakibatkan kelemahan dalam merancang aktiviti pembelajaran yang kreatif dan pelbagai. Guru yang tidak mempunyai kefahaman mendalam tentang pendekatan pembelajaran terkini mungkin merasa sukar untuk mengintegrasikan elemen-elemen penting seperti penggunaan alat bantu mengajar, teknologi, atau strategi yang menumpukan kepada pembelajaran murid secara aktif. Hal ini bukan sahaja membatasi keberkesanan proses PAK-21 tetapi juga menyukarkan pelajar untuk mengembangkan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kolaborasi, dan kreativiti.

Oleh itu, penting bagi pihak berwajib untuk menyediakan peluang latihan dan sumber yang mencukupi kepada guru, khususnya mereka yang mengajar di kawasan pedalaman. Latihan ini harus merangkumi pendedahan kepada kaedah pengajaran moden, teknik pengajaran yang berpusatkan murid, serta penggunaan teknologi untuk menyokong pembelajaran. Dengan cara ini, guru dapat meningkatkan kualiti pengajaran mereka, menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, dan memenuhi keperluan serta aspirasi pelajar masa kini. Oleh hal yang demikian, murid-murid akan kurang kemahiran dalam berkomunikasi dan bekerjasama dengan rakan lain. Hal ini demikian kerana melalui amalan PAK-21 dalam bilik darjah, guru mampu mendidik murid secara holistik dan berkesan bagi mencapai matlamat melahirkan modal insan berpengetahuan, berintegriti, berfikir secara kreatif, inovatif dan berupaya berkolaborasi bagi memenuhi keperluan industri 4.0 dalam era digital abad 21 (Noor Lela Ahmad et al., 2019).

b) Kesukaran untuk mengawal kelas dengan baik

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh guru ketika murid terlalu berbuat bising dalam bilik darjah. Contohnya bila guru ingin melakukan aktiviti berkumpulan, ramai murid yang bising bersama dengan ahli lain. Namun kita sebagai pendidik terabai dengan kelakuan bising murid tersebut. Guru sendiri tidak pasti adakah bising murid dalam kumpulan ialah mereka berbincang tentang topik atau berbuat bising dan bersembang kosong. Perkara ini merupakan cabaran guru hadapi ketika mengaplikasikan PAK-21 dalam bilik darjah.

“...mereka bising dalam kelas, mungkin dalam mereka bising itu, kadang-kadang kita tidak terfokus dalam kumpulan. Adakah mereka bising sebab berbincang atau hanya bercerita”.

(Temu Bual Responden B pada minit 11:04)

Sikap murid yang berbuat bising akan mengganggu pengajaran guru serta pembelajaran murid dalam bilik darjah terutamanya murid yang berada di kelas hujung. Mereka kadang kala tidak menjaga disiplin dan berbuat bising ketika guru mengajar di hadapan kelas. Perkara ini menyebabkan guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai karenah dan salah laku murid ini ketika menjalankan aktiviti PAK-21 dalam bilik darjah. Menurut Monica Laina Yonge & Zamri Mahmod (2020), suasana pengajaran akan menjadi lebih bermakna sekiranya guru dan murid memberi kerjasama yang baik mampu meningkatkan pencapaian dan minat murid.

“Bagi saya, saya tidak suka jika murid tidak memberi respon yang betul terhadap soalan atau PdP saya. Contohnya untuk murid yang tidak semangat dan suka berdiam diri langsung tidak memberi sebarang jawapan membuatkan saya malas untuk melaksanakan PAK-21”.

(Temu Bual Responden E pada minit 08:47)

Sekiranya murid asyik berbuat bising sahaja, maka suasana PdP akan menjadi tidak seronok dan guru juga kurang senang untuk mengaplikasikan PAK-21 dalam bilik darjah. Begitu juga dengan murid yang kurang sopan dan tidak memberi kerjasama dengan guru waktu PdP, maka guru juga akan tidak senang hati untuk mengajar murid pada waktu itu. Jelaslah bahawa salah laku murid yang berbuat bising dan kurang sopan merupakan cabaran guru dalam pelaksanaan PAK-21 di kelas.

Berdasarkan pengalaman dari beberapa praktikum yang lepas dan juga *internship*, kawalan kelas merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh guru (Ngu Mee Kok, 2009). Kesukaran ini merujuk kepada cabaran dalam memastikan suasana pembelajaran yang teratur, produktif, dan kondusif di dalam bilik darjah. Antara isu yang sering timbul adalah berkaitan dengan mengekalkan disiplin, menangani gangguan, dan memastikan pelajar fokus serta terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Suasana pembelajaran yang kondusif adalah kunci untuk meningkatkan pencapaian akademik dan minat murid terhadap pelajaran, seperti yang dinyatakan oleh Monica Laina Yonge dan Zamri Mahmod (2020). Guru yang mampu mewujudkan suasana pengajaran yang tersusun dan harmoni dapat membantu murid mencapai potensi penuh mereka.

Guru memainkan peranan penting dalam pengurusan disiplin kerana mereka adalah individu yang paling hampir dengan pelajar serta menjadi perantara utama antara kehendak sekolah dan sistem pendidikan (Nurul Atikah Mohamad Razman et al., 2022). Namun, cabaran tingkah laku murid yang tidak baik sering menjadi halangan dalam pelaksanaan pengajaran yang berkesan. Guru perlu menangani pelajar yang sering mengganggu suasana kelas, berkelakuan tidak sopan, atau mengganggu rakan sekelas. Situasi seperti ini bukan sahaja mengganggu proses pembelajaran tetapi juga menghalang pelajar lain daripada memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran.

Selain itu, guru baharu sering kali menghadapi kekeliruan dalam menentukan strategi pengurusan kelas yang sesuai. Ketiadaan strategi pengurusan yang berkesan menyebabkan guru menghadapi kesukaran dalam menangani situasi seperti konflik antara pelajar atau pelanggaran peraturan kelas. Hal ini membawa kepada suasana bilik darjah yang tidak terkawal, mengurangkan keberkesanan pengajaran, dan menyukarkan pencapaian objektif pembelajaran. Guru yang tidak melibatkan pendekatan interaktif atau inovatif, seperti penggunaan multimedia yang menarik, juga cenderung tidak dapat menarik minat pelajar, menjadikan pembelajaran kurang efektif dan menyeronokkan.

Menurut Awofala dan Lawani (2020), memahami tahap kesediaan murid adalah asas penting untuk menentukan keperluan akademik mereka. Dalam bilik darjah yang mempunyai pelajar dengan keperluan yang berbeza, termasuk pelajar dengan keperluan pendidikan khas atau motivasi yang berlainan, guru sering menghadapi kesukaran untuk memenuhi keperluan semua pelajar secara serentak. Oleh itu, Nur Hanisah Radi dan Syawal Amran (2023) mencadangkan agar guru mempelbagaikan pendekatan dari segi kandungan pelajaran, proses pengajaran, dan hasil pembelajaran sebelum memulakan sesi PdP. Kepelbagaian ini dapat

membantu memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai dan menjadikan proses pembelajaran lebih inklusif dan berkesan.

Kesediaan dan komitmen guru juga merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan strategi pengurusan kelas (Hasifah Hassan & Muhammad Faizal A. Ghani, 2022). Untuk mengatasi cabaran ini, guru disarankan memanfaatkan strategi pengurusan kelas yang terbukti berkesan, mengikuti latihan profesional tambahan, dan mendapatkan sokongan daripada pentadbir serta rakan sekerja. Sebagai contoh, guru boleh meminta bimbingan daripada guru senior atau pentadbir sekolah untuk memahami kaedah PdP yang lebih efektif. Selepas itu, guru boleh membandingkan dan menganalisis kaedah tersebut untuk menentukan pendekatan yang paling sesuai dengan konteks bilik darjah mereka. Dengan usaha yang berterusan dan sokongan yang mencukupi, guru dapat meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kelas, sekali gus mencipta suasana pembelajaran yang lebih baik untuk semua pelajar.

c) Kekangan dari segi kos penyediaan bahan bantu mengajar (BBM)

Di samping itu, data juga menunjukkan cabaran guru memerlukan penyediaan kos dan bahan untuk mengaplikasikan PAK-21 dalam PdP. Schubungan dengan itu, responden C ada menyatakan bahawa guru perlu menyediakan banyak bahan dan kos pembelian bahan yang baru untuk mencipta Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam kegunaan pengajaran nanti. ABM merupakan satu elemen yang amat penting dalam proses PdP.

“Kalau PAK-21 ini memerlukan kos dan bahan. Kita perlu Alat Bantu Mengajar.”

(Temu Bual Responden C pada minit 11:25)

Menurut Abdul Rahim Hamdan & Hayazi Mohd Yasin (2010), guru perlu mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka sejajar dengan cabaran pendidikan masa kini dengan mendedahkan kepada pelajarnya dengan ABM yang mampu membantu kefahaman dan menolong pelajar ke arah pembelajaran yang lebih bermakna. Namun begitu, cabaran guru untuk menyediakan ABM seperti kos dan bahan menyebabkan guru tidak mahu melakukan persediaan seperti itu. Kesannya, guru tidak mengaplikasikan PAK-21 dalam PdP. Mereka sanggup menggunakan kaedah '*chalk and talk*' dalam pengajaran. Seterusnya, cabaran dari segi kepadatan waktu atau jadual mengajar guru.

Pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) di Malaysia yang bertujuan untuk mempersiapkan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreativiti, dan kemahiran kolaborasi sering menghadapi cabaran besar dari segi kos penyediaan bahan bantu mengajar (BBM). Penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) yang berkualiti memerlukan pelaburan yang signifikan, terutamanya dalam alat teknologi seperti komputer, tablet, dan perisian pendidikan. Hal ini seiring dengan dapatan kajian Mohd Suhaimi Omar, Noor Shah Saad dan Mohd. Uzi Dollah (2017), yang menyatakan bahawa penggunaan BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan memperjelaskan penyampaian maklumat agar tidak terlalu bersifat verbalistik, mengatasi keterbatasan ruang dan masa, mengatasi sifat pasif pelajar, memberi rangsangan kepada pelajar, mempersamakan pengalaman mereka, dan membangkitkan persepsi. BBM berfungsi sebagai alat penting untuk membantu murid

memahami kandungan pembelajaran dengan lebih baik, menjadikan proses pengajaran lebih dinamik dan efektif.

Namun, cabaran penyediaan BBM adalah nyata, terutama di sekolah-sekolah yang kurang bernasib baik, seperti di kawasan pedalaman. Kekurangan dana sering menjadi halangan utama bagi sekolah untuk memperoleh atau memelihara peralatan teknologi yang diperlukan. Sebagai contoh, komputer, perisian pendidikan, atau tablet memerlukan kos awal yang tinggi, selain penyelenggaraan berterusan. Guru-guru di sekolah yang kekurangan ini sering berhadapan dengan cabaran untuk menyediakan BBM secara konsisten. Akibatnya, mereka lebih cenderung memilih kaedah tradisional seperti *chalk and talk*, yang meskipun berkesan dalam situasi tertentu, tidak sepenuhnya memenuhi tuntutan pengajaran abad ke-21 (PAK-21). Kaedah ini kurang memberi rangsangan kepada pelajar dan mungkin tidak menarik minat mereka untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran.

Untuk membina kemenjadian murid secara holistik dan melahirkan generasi yang mampu menyumbang kepada kegemilangan tamadun manusia, guru perlu berusaha lebih untuk mewujudkan suasana PdP yang menyeronokkan dan berkesan. Ini termasuk mengaplikasikan penggunaan infrastruktur yang sedia ada dalam kelas bagi memanfaatkan teknologi dan BBM secara optimum. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Zaidi Mohd Zeki, Ahmad Zabidi Abdul Razak, dan Rafiza Abd. Razak (2020), kemudahan dan infrastruktur sekolah memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan, terutamanya untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, terdapat banyak sekolah, terutama di kawasan pedalaman, yang masih kekurangan kemudahan asas seperti bilik komputer, sambungan internet stabil, atau kemudahan multimedia. Kekurangan ini menyukarkan guru untuk menggunakan teknologi dalam PdP mereka, sekali gus menghadkan keberkesanan pelaksanaan PAK-21.

Kos untuk membangunkan atau menaik taraf infrastruktur ini merupakan cabaran besar, lebih-lebih lagi bagi sekolah yang beroperasi dengan bajet terhad. Selain itu, kekurangan kemudahan asas seperti elektrik yang stabil di sesetengah kawasan pedalaman juga menjadi penghalang untuk penggunaan teknologi dalam bilik darjah. Ini mencetuskan dilema bagi guru-guru yang ingin menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik, namun tidak memiliki akses kepada sumber dan alat yang mencukupi untuk melakukannya. Bagi mengatasi cabaran-cabaran ini, pendekatan yang menyeluruh dan kerjasama pelbagai pihak sangat diperlukan. Kerajaan perlu memainkan peranan utama dengan menyediakan dana yang mencukupi untuk memperbaiki dan menaik taraf kemudahan sekolah, terutamanya di kawasan pedalaman.

Selain itu, sokongan daripada sektor swasta boleh membantu dalam menyediakan peralatan teknologi atau membangunkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang khusus untuk pendidikan. Sebagai contoh, syarikat teknologi boleh menyumbangkan peralatan komputer atau perisian pendidikan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan. Komuniti setempat juga boleh memainkan peranan dengan menyokong guru dan pihak sekolah dalam bentuk gotong-royong atau sumbangan untuk memperbaiki kemudahan asas. Di samping itu, penyediaan latihan profesional untuk guru adalah langkah penting bagi memastikan mereka dapat memanfaatkan BBM dengan berkesan. Latihan ini boleh merangkumi penggunaan teknologi, penciptaan bahan ajar digital, atau kaedah pengajaran inovatif yang sejajar dengan keperluan pelajar masa kini. Dengan perancangan yang strategik, sokongan kewangan, dan kerjasama pelbagai pihak, cabaran dalam menyediakan BBM yang berkualiti dapat diatasi. Langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan

pengajaran dan pembelajaran tetapi juga memastikan pelaksanaan PAK-21 dapat berjalan dengan lancar di semua sekolah, tidak kira lokasinya. Kesannya, pendidikan negara dapat berkembang sejajar dengan keperluan global, dan pelajar mendapat manfaat pembelajaran yang lebih bermakna serta relevan.

d) Kekangan dari segi masa

Menurut hasil analisis temu bual, responden D menghadapi kekangan masa yang menyebabkan beliau tidak mampu melaksanakan PAK-21 secara berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019), tanpa pengajaran yang tidak dirancang dengan baik amalan yang berterusan, proses PAK-21 tidak akan berjalan dengan lancar dan berkesan. Pada aspek lain pula, waktu pengajaran telah digantikan dengan tugas-tugas lain yang tidak berkaitan dengan proses PdP apabila guru ditugas untuk menjalankan tugas luar mahupun program sekolah semasa waktu PdPc.

“Masalah guru mempunyai jadual yang padat. Guru perlu menyediakan bahan juga memakan masa”.

(Temu Bual Responden D pada minit 16:34)

Oleh hal yang demikian, guru-guru yang mempunyai jadual mengajar yang padat, mereka terkejar-kejar untuk menghadiri kelas dan menyediakan bahan yang perlu dipakai apabila dilaksanakan dalam PdP. Sehubungan dengan itu, proses dan pelaksanaan PAK-21 memerlukan masa yang panjang untuk dijalankan dalam PdP. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti kumpulan biasanya akan diberi masa untuk perbincangan dan pembentangan. Setiap sesi ini adalah antara tiga hingga lima minit untuk selesaikan semua sesi PdP belum termasuk sesi soal jawab. Oleh kerana guru tidak ingin berfikir panjang dan kesuntukkan masa dalam persiapan aktiviti PdP, guru tidak mengaplikasikan PAK-21 dalam bilik darjah. Sudah terang lagi bersuluh bahawa kepadatan jadual mengajar merupakan cabaran guru dalam mengaplikasikan PAK-21 dalam bilik darjah.

Di samping itu, tahap keperluan latihan guru merupakan elemen penting dalam memastikan guru bersedia, berpengetahuan, dan berkemahiran untuk melaksanakan Pendekatan Abad ke-21 (PAK-21) dengan berkesan. Seperti yang dinyatakan oleh Cecilia Kong Pick Chien dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2020), guru-guru memerlukan latihan yang sistematik untuk menguasai teknik dan strategi pengajaran yang sejajar dengan kehendak PAK-21. Latihan ini bukan sahaja melibatkan peningkatan pengetahuan asas tetapi juga penguasaan kemahiran praktikal dalam pelbagai aspek seperti penggunaan teknologi, penyediaan bahan pengajaran yang interaktif, dan pendekatan yang berpusatkan pelajar.

Namun demikian, proses ini sering kali berhadapan dengan kekangan masa dan keperluan jadual yang ketat. Sekolah-sekolah sering perlu merancang jadual yang fleksibel untuk memastikan guru dapat menghadiri kursus atau latihan tanpa menjejaskan sesi pengajaran harian mereka. Hal ini menjadi cabaran besar terutama di sekolah-sekolah yang kekurangan guru atau mempunyai jadual waktu yang terlalu padat. Walaupun begitu, tahap kesediaan dan pengetahuan guru dalam PAK-21 adalah amat penting untuk memastikan elemen dan kemahiran PAK-21 dapat diterapkan dengan baik di bilik darjah. Tanpa latihan

yang mencukupi, guru mungkin menghadapi kesukaran untuk memahami dan mengaplikasikan konsep-konsep inovatif yang diperlukan untuk melaksanakan PAK-21.

Selain daripada menghadiri latihan formal, guru juga perlu memantapkan profesionalisme diri. Ini merangkumi pembangunan efikasi sendiri, di mana guru perlu memiliki keyakinan terhadap kebolehan mereka untuk menguruskan bilik darjah, menguasai teknologi, dan merancang aktiviti pembelajaran yang efektif. Kajian oleh Saadiah Shuib, Jamal @ Nordin Yunus dan Hamidah Yusof (2020) menegaskan bahawa pembangunan profesionalisme guru adalah penting untuk meningkatkan efikasi sendiri. Namun, beban kerja yang berat sering menjadi halangan utama. Ramai guru mendapati diri mereka terlalu sibuk dengan tugas harian seperti persediaan mengajar, kerja pentadbiran, dan tugas luar sehingga tidak dapat meluangkan masa untuk menghadiri program pembangunan profesionalisme.

Teknologi adalah salah satu komponen penting dalam pelaksanaan PAK-21, tetapi integrasinya memerlukan masa dan usaha tambahan. Guru bukan sahaja perlu belajar cara menggunakan peralatan teknologi baru seperti komputer, tablet, atau papan pintar, tetapi juga bagaimana mengintegrasikannya secara efektif ke dalam kurikulum. Dalam kajian Ani Omar (2017), dinyatakan bahawa kebanyakan model pengajaran melibatkan tiga elemen utama iaitu objektif pengajaran, aktiviti pembelajaran, dan penilaian. PAK-21 pula memperluaskan model ini dengan menambah aplikasi teknologi sebagai elemen penting. Oleh itu, guru harus menguasai penggunaan teknologi seperti perisian PowerPoint, Flash, video, dan visual interaktif untuk menarik minat pelajar. Penggunaan teknologi bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik tetapi juga mengurangkan risiko pelajar merasa bosan. Namun, kekurangan masa untuk mendalami teknologi ini sering menyebabkan guru tidak dapat menggunakannya dengan berkesan dalam PdP.

Untuk menyokong pendekatan PAK-21, guru-guru juga perlu menyediakan bahan pengajaran dan aktiviti yang interaktif, relevan, dan sesuai dengan keperluan murid. Proses penyediaan ini memerlukan usaha tambahan di luar waktu pengajaran biasa. Sebagai contoh, aktiviti seperti pembelajaran berasaskan projek, kajian lapangan, atau perbincangan kumpulan memerlukan persediaan bahan, perancangan masa, dan koordinasi yang teliti. Namun, dengan jadual kerja yang padat, ramai guru menghadapi kekangan masa yang menyukarkan mereka untuk menyediakan bahan dan aktiviti dengan baik. Akibatnya, terdapat kecenderungan untuk kembali kepada kaedah tradisional yang lebih mudah dilaksanakan tetapi kurang menarik dan kurang berkesan.

Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) menyatakan bahawa tanpa perancangan yang baik dan amalan yang berterusan, proses PAK-21 tidak akan berjalan dengan lancar atau mencapai keberkesanan yang diinginkan. Ramai guru yang berhadapan dengan kekangan masa sehingga gagal menyediakan PdP yang lebih inovatif dan sesuai dengan prinsip PAK-21. Ini bukan sahaja memberi kesan kepada kualiti pengajaran tetapi juga pengalaman pembelajaran pelajar, yang mungkin kurang bermakna dan kurang interaktif. Untuk mengatasi cabaran ini, beberapa langkah strategik boleh diambil. Pertama, kerajaan dan pihak sekolah perlu menyediakan lebih banyak peluang latihan yang fleksibel untuk guru, seperti kursus dalam talian atau bengkel pada waktu cuti sekolah. Kedua, sokongan tambahan dari segi pembiayaan dan sumber perlu diberikan untuk membantu guru memperoleh alat teknologi yang diperlukan. Ketiga, budaya kolaborasi antara guru perlu dipupuk, di mana guru-guru boleh berkongsi idea, bahan, dan strategi untuk melaksanakan PAK-21 dengan lebih efektif. Dengan pendekatan menyeluruh ini, cabaran dalam melaksanakan PAK-21

dapat diatasi, sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan dan memastikan pelajar mendapat manfaat penuh daripada pendekatan pengajaran moden ini.

5. Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PAK-21 di dalam bilik darjah melibatkan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak, termasuk murid, guru, ibu bapa, dan pihak sekolah. Setiap pihak mempunyai cabaran tersendiri yang perlu dihadapi, namun usaha kolektif sangat penting bagi memastikan kejayaan proses PdP. Guru perlu sentiasa bersikap proaktif dengan menilai diri, meningkatkan kemahiran, serta menguasai teknik pengajaran yang menarik dan berkesan. Inisiatif seperti menghadiri latihan, menggunakan teknologi terkini, dan melaksanakan pendekatan kreatif boleh membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran. Dalam masa yang sama, murid perlu menunjukkan sikap kerjasama yang baik dengan guru serta mempunyai motivasi tinggi untuk belajar. Apabila guru yang berkualiti tinggi berjaya melaksanakan pedagogi berimpak, ia bukan sahaja menarik minat murid tetapi juga meningkatkan kefahaman dan prestasi mereka (Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid & Rohaila Yusof, 2019).

Walaupun PAK-21 memberikan pelbagai cabaran, ia turut membawa impak positif kepada dunia pendidikan melalui pendekatan yang lebih interaktif, kolaboratif, dan berpusatkan murid. Guru memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan PAK-21, dengan memastikan prestasi murid kekal tinggi meskipun menghadapi rintangan seperti kekangan masa, sumber, atau pengetahuan teknologi. Dengan mengatasi cabaran ini, matlamat pendidikan iaitu menyampaikan ilmu secara efektif dan bermakna dapat dicapai. Guru yang komited wajib menerapkan elemen PAK-21 dalam bilik darjah, kerana pendekatan ini dapat membantu murid memahami pembelajaran dengan lebih mudah dan berkesan.

Sebagai cadangan, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk menyokong keberkesanan PAK-21. Pihak sekolah perlu menyediakan sokongan seperti latihan berkala untuk guru, penambahbaikan infrastruktur, dan pemantauan pelaksanaan PdP. Kerjasama antara guru dan ibu bapa juga penting untuk memastikan murid sentiasa bermotivasi dan memahami kepentingan pembelajaran. Guru disarankan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran, termasuk integrasi teknologi, aktiviti hands-on, dan pembelajaran berasaskan projek. Murid pula perlu dididik untuk menjadi lebih aktif, berdaya saing, dan mampu berkolaborasi dengan baik. Akhir kata, harapan terbesar dalam dunia pendidikan adalah melahirkan murid yang berkualiti tinggi, berkemahiran, dan berpengetahuan KBAT, yang bukan sahaja cemerlang secara akademik tetapi juga mampu memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara.

Rujukan

- Abdul Rahim Hamdan dan Hayazi Mohd Yasin. (2010). *Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) di kalangan guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor*, 1-8. (Unpublished)
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman. (2015). Keupayaan guru pelatih terhadap pelaksanaan aktiviti semasa latihan mengajar dalam pembentukan guru novis. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(1). 75-81.

- Awofala, A. O., dan Lawani, A. O. (2020). Increasing mathematics achievement of senior secondary school students through differentiated instruction. *Journal of Educational Sciences*, 4(1), 1-19.
- Azlina Kamaruddin dan Mohamad Irfan Shahrudin. (2024). Analisis kefahaman ibu bapa terhadap faktor perubahan sikap belia berdasarkan video penyalahgunaan dadah di YouTube. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 7(48). 586-600.
- Cecilia Kong Pick Chien dan Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2020). Tahap kesediaan dan keperluan latihan guru dan hubungannya dengan kemampuan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol. 2, Bil. 4, 142-152.
- Edria Nita Mustaffa dan Muhammad Faizal A. Ghani. (2020). Pemikiran futuristik dalam kalangan pemimpin murid SMKA dan SMA di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Vol. 7, No. 3, 54-69.
- Irma Mahad, Zamri Mahamod dan Nurul Azira Sopian. (2021). Kaedah pengajaran dalam talian guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan di kawasan bandar sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol. 3, Bil. 3, 381-394.
- Hasifah Hassan dan Muhammad Faizal A. Ghani. (2022). Pengaruh komitmen guru dan penyeliaan guru besar terhadap pengurusan bilik darjah di sekolah rendah daerah Tenom, Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(1). 56-76.
- Irmawati, S. (2018). Pengaruh Penggunaan Model Pembelajaran *Round Table* Terhadap Hasil Belajar PKn Murid.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim dan Mohd. Faez Ilias. (2012). Gaya pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. In: *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])*, 8-9 March 2012, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Lezah @ Lejah Kiamsin dan Rosy Talin. (2018). Kaedah pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 137 - 145.
- Mashira Yahaya et al. (2020). Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman (IPDA)*, Vol. 26, Bil. 1, 13-24.
- Mohammad Ziyad Majani dan Mohd Mokhtar Tahar. (2021). Kesediaan guru Pendidikan Khas dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol. 3, Bil. 4, 163-173.
- Mohd Suhaimi Omar, Noor Shah Saad dan Mohd. Uzi Dollah. (2017). Penggunaan bahan bantu mengajar guru Matematik sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 7(1), 32-46.
- Mohd Zaidi Mohd Zeki, Ahmad Zabidi Abdul Razak, dan Rafiza Abd. Razak. (2020). Cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman: Bersediakah dalam melaksanakan KBAT? *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 8, Isu 1, 11-24.
- Nurul Atikah Mohamad Razman et al. (2022). Pengurusan tingkah laku dan disiplin pelajar di Sekolah Kebangsaan Bagan Datuk Perak. *Journal of Humanities and Social Sciences*. 4(2), 81-88.
- Monica Laina Tonge dan Zamri Mahamod. (2020). Kesan pembelajaran berasaskan projek terhadap kemahiran menulis karangan murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 12-20.

- Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. 23-24 November.
- Noor Lela Ahmad et al. (2024). Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 4(28), 28-51.
- Nor Syahirah Abu Bakar dan Mohd Aderi Che Noh. (2022). Kaedah perbincangan dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 1(2), 89-99.
- Ngu Mee Kok. (2019). Meningkatkan keberkesanan kawalan kelas menggunakan kaedah ganjaran dan hukuman untuk murid-murid tahun 3. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP SN*. 132-146.
- Nur Hanisah Radi dan Syawal Amran. (2023). Strategi dan cabaran pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza dalam kalangan guru di sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(5), 1-16.
- Nurrabi'atul Mardhiah Rushdi dan Muhammad Syawal Amran. (2020). Kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)* – Dalam Talian 24 & 25 November 2020.
- Sharifah Darmia Sharif Adam et al. (2022). Cabaran pendidikan pelajar bumiputera luar bandar di Sabah selepas merdeka. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(47). 819-833.
- Saadiah Shuib, Jamal @ Nordin Yunus dan Hamidah Yusof (2020). Pembangunan profesionalisme guru terhadap efikasi sendiri guru sekolah menengah di Negeri Selangor. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 1(2), 37-48.
- Ani Omar. (2017). Integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu mempertingkatkan keyakinan dan keberhasilan guru semasa latihan mengajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI (JPBU)*, 9. 13-25.
- Muhammad Zulfiqar Mat Lui dan Anuar Ahmad. (2021). Minat murid terhadap gaya, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 211 - 221.